

Angkasa cadang jaminan harga minimum

Sinar Harian (m/s 37) 29/07/2018

KUALA KRAU - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan Jaminan Harga Minimum (GMT) dalam menangani beban ditanggung pekebun kecil getah dan kelapa sawit di negara ini.

Ini berikutan penurunan harga komoditi di pasaran yang memberikan kesan terutama kepada pekebun-pekebun kecil.

Namun Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah memberitahu, pihaknya yakin kerajaan akan mencari jalan dan kaedah tertentu untuk menangani penurunan harga komoditi terbabit.

Beliau ditemui selepas perasmian Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-5 Koperasi Penanam Sawit Mampan Temerloh Berhad, Kuala Krau, semalam.

Menurutnya, lebih 600,000 ahli koperasi terlibat dalam penanaman kelapa sawit dan kira-kira 500,000 ahli (getah).

"Penurunan harga di pasaran sudah tentu memberikan kesan terutamanya kepada pekebun kecil yang bergantung dengan kelapa sawit dan getah," katanya lagi.

Setakat ini, purata harga kelapa sawit difahamkan antara purata RM400 setan dan harga getah RM1.70 sekilogram.

Dalam pada itu, pihaknya mengalu-alukan usaha Koperasi Penan-



Abdul Fattah (tiga, kanan) mencuba kenderaan Toyota Hilux milik koperasi tersebut yang baru dibeli.

am Sawit Mampan Temerloh Berhad untuk mewujudkan pusat dialisis.

Menurutnya, ia satu langkah positif dalam mempelbagaikan aktiviti dan sumber bagi setiap koperasi.

Malah beliau juga memberitahu, Angkasa juga mencadangkan supaya pusat dialisis di buka setiap negeri dan kini telah memiliki dua buah pusat terbabit.

"Kita berharap supaya kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan memudahkan proses penubuhan pusat tersebut kerana ia telah menjadi keperluan rakyat," jelasnya.

Sementara itu, Sarif memberitahu pihaknya berhasrat mewujudkan

pusat dialisis tersebut di bangunan milik koperasi terbabit.

"Seperti yang kita maklum dengan senario penurunan harga komoditi kelapa sawit, kita perlu mempelbagaikan aktiviti untuk menambahkan pendapatan koperasi," katanya.

Koperasi terbabit diwujudkan sejak 2011 dan kini mempunyai 1,000 ahli dan turut memiliki Pusat Timbang di Gong Holt dan Desa Murni.

Selain itu, bangunan baharu bernilai setengah juta dan kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota Hilux bernilai lebih RM100,000 untuk kegunaan koperasi tersebut.